



## Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia Januari 2023

**IPP**

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia menyederhana kepada 1.8 peratus pada Januari 2023 dipengaruhi pertumbuhan output yang lebih perlahan dalam sektor Pembuatan



**1.8%**  
Dis. 2022: 2.8%

**Perilangan**  
5.9%  
Dis. 2022: 3.9%


**Pembuatan**  
1.3%  
Dis. 2022: 3.0%

**Elektrik**  
-4.3%  
Dis. 2022: -2.2%




### Pembuatan

Penyederhanaan dalam pengeluaran subsektor Elektrik & Elektronik (0.4%) menyumbang kepada pertumbuhan output yang lebih perlahan dalam sektor Pembuatan




### Industri Berorientasikan Eksport & Domestik

Kedua-dua industri Berorientasikan Eksport (0.6%) dan industri Berorientasikan Domestik (2.7%) menyumbang kepada pertumbuhan sederhana sektor Pembuatan



### Perlombongan

Pengembangan bagi sektor Perlombongan didorong oleh pertumbuhan kukuh Minyak Mentah & Kondensat (8.0%) dan Gas Asli (4.5%)



% YoY: Peratus perubahan tahun ke tahun  
% MoM: Peratus perubahan bulan ke bulan

Sumber: Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia, Januari 2023 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

## Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia menyederhana kepada 1.8 peratus pada Januari 2023, dipengaruhi pertumbuhan output yang lebih perlahan dalam sektor Pembuatan

- Pertumbuhan positif IPP berterusan pada Januari 2023, meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 1.8 peratus berbanding 2.8 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Penyederhanaan dalam pengeluaran perindustrian dipengaruhi oleh pertumbuhan output yang lebih rendah dalam sektor Pembuatan pada bulan berkenaan iaitu 1.3 peratus (Disember 2022: 3.0%) serta penyusutan output Elektrik sebanyak 4.3 peratus (Disember 2022: -2.2%). Sementara itu, pengeluaran Perlombongan berkembang sebanyak 5.9 peratus berbanding 3.9 peratus pada Disember 2022. Pertumbuhan tahun ke tahun bagi IPP bulan Januari 2023 juga merupakan yang terendah dicatatkan sejak Ogos 2021. Secara perbandingan bulan ke bulan, IPP terus merosot sebanyak 2.3 peratus, selepas mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.6 peratus pada bulan sebelumnya.
- Pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan yang lebih rendah dipengaruhi oleh industri berorientasikan eksport yang perlahan kepada 0.6 peratus daripada 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. Walaupun pengeluaran pembuatan komputer, produk elektronik & optikal merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pembuatan, pertumbuhan outputnya perlahan kepada 0.8 peratus (Disember 2022: 7.6%), selari dengan momentum perlahan dalam sektor perdagangan luaran dan trend penurunan dalam industri semikonduktor global pada bulan tersebut. Pada masa yang sama, pengembangan kukuh dilihat dalam pembuatan kok & produk petroleum bertapis dengan pertumbuhan output sebanyak 11.0 peratus dan dalam pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dengan 8.3 peratus.
- Pengeluaran industri berorientasikan domestik yang menyumbang sebanyak satu pertiga daripada output Pembuatan, meningkat sebanyak 2.7 peratus pada Januari 2023 (Disember 2022: 3.8%). Peningkatan itu didorong oleh pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler yang berkembang sebanyak 12.2 peratus (Disember 2022: 11.8%). Pertumbuhan output adalah positif dalam hampir kesemua produk industri berorientasikan domestik kecuali bagi pembuatan minuman; dan pembuatan logam asas yang mencatatkan penguncupan pada bulan tersebut. Berbanding bulan sebelumnya, output Pembuatan terus menyusut sebanyak 3.3 peratus selepas mencatatkan penurunan sebanyak 1.2 peratus pada bulan sebelumnya.
- Pengembangan 5.9 peratus dalam pengeluaran sektor Perlombongan dipacu oleh pertumbuhan kukuh 8.0 peratus dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat (Disember 2022: 4.2%) dan 4.5 peratus dalam indeks Gas Asli (Disember 2022: 3.7%). Berbanding bulan Disember 2022, indeks Perlombongan meningkat 1.7 peratus berbanding pertumbuhan 1.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.
- Sementara itu, indeks Elektrik mencatatkan penurunan selama dua bulan berturut-turut untuk merekodkan negatif 4.3 peratus pada Januari 2023 selepas mencatatkan kejatuhan 2.2 peratus pada bulan lalu. Secara perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik menyusut sebanyak 3.4 peratus berbanding pertumbuhan positif 0.9 peratus yang dicatatkan pada Disember 2022.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)